



# SIARAN MEDIA

## **PELANCARAN PROGRAM *GREEN ELECTRICITY TARIFF (GET)* BAGI MENGGALAKKAN PENGGUNAAN BEKALAN ELEKTRIK DARIPADA SUMBER TENAGA BOLEH BAHARU**

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan, hari ini melancarkan Tarif Elektrik Hijau atau *Green Electricity Tariff (GET)*, sebagai satu inisiatif strategik Kerajaan dalam menawarkan bekalan elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) kepada pengguna elektrik yang berhasrat untuk mengurangkan jejak karbon mereka. Penawaran GET ini merupakan sebahagian daripada sasaran yang ditetapkan untuk dicapai Menteri Tenaga dan Sumber Asli di bawah Aspirasi Keluarga Malaysia 100 Hari Pertama Ahli Jemaah Menteri yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri. Pelancaran GET ini turut membuktikan komitmen berterusan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dalam menyokong aspirasi negara untuk mencapai sasaran pelepasan GHG bersih sifar seawal-awalnya pada tahun 2050.

Pengguna yang melanggan GET akan dibekalkan dengan bekalan elektrik daripada sumber TBB yang dijana daripada loji jana kuasa solar dan hidro yang sedang beroperasi. Mereka juga akan mendapat sijil yang mengesahkan bahawa bekalan elektrik tersebut adalah bekalan elektrik daripada sumber TBB melalui sijil *Malaysia Renewable Energy Certificates* atau mREC® yang berdaftar dengan badan pensijilan antarabangsa.

GET akan menawarkan sejumlah 4,500 GigaWatt jam tenaga elektrik daripada sumber TBB setahun. Jumlah ini adalah bersamaan dengan kapasiti bekalan elektrik yang boleh dibekalkan kepada 600,000 rumah untuk tempoh sebulan kepada pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 2022 hingga 2024. Pelanggan GET akan dikenakan bayaran tambahan sebanyak 3.7 sen bagi setiap kiloWatt jam TBB yang dibeli melalui program ini. Hasil kutipan daripada penjualan GET akan digunakan bagi menyokong pelaksanaan agenda dan inisiatif pembangunan TBB negara.

Selain memberi pilihan kepada pengguna domestik beralih kepada TBB untuk mengurangkan jejak karbon mereka, GET juga dijangka dapat membantu entiti perniagaan, pelabur dan organisasi yang beroperasi di Malaysia untuk memenuhi

komitmen *Environmental, Social & Governance* atau ESG melalui penggunaan elektrik daripada sumber TBB. GET juga berupaya menarik kemasukan pelaburan baharu yang berkualiti serta bercirikan tenaga hijau yang mesra alam khususnya syarikat-syarikat RE100 yang telah menyatakan komitmen untuk beralih kepada 100% tenaga elektrik daripada sumber TBB seawal tahun 2030 hingga 2050.

Sebagai peneraju inisiatif ini, KeTSA telah memberikan komitmen untuk melanggan GET bagi membekalkan 31% keperluan bekalan elektrik di Wisma Sumber Asli daripada sumber TBB. Selain itu, Suruhanjaya Tenaga, SEDA Malaysia dan MyPOWER Corporation telah memberikan komitmen untuk melanggan GET bagi membolehkan mereka mendapat 100% bekalan elektrik daripada sumber TBB. Majlis Pelancaran GET turut menyaksikan 9 buah syarikat korporat terkemuka di Malaysia memberikan aku janji untuk mendapatkan bekalan elektrik dari sumber TBB melalui Program GET. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut;

1. CIMB Bank Berhad
2. Dutch Lady Milk Industries Berhad
3. Gamuda Berhad
4. HSBC Amanah Malaysia Berhad
5. MCIS Insurance Berhad
6. Nestlé (Malaysia) Berhad
7. Opensys (Malaysia) Berhad
8. Tenaga Nasional Berhad
9. Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Permohonan untuk melanggan bekalan elektrik daripada sumber TBB di bawah Program GET akan dibuka mulai 1 Disember 2021 dan pengguna-pengguna di bawah Program GET akan mula mendapat bekalan elektrik daripada TBB pada 1 Januari 2022. Dengan penawaran program baharu ini, Program myGreen+ yang telah diperkenalkan pada tahun 2020 akan ditamatkan. Pengguna yang berminat untuk melanggan GET boleh membuat permohonan di laman sesawang TNB ataupun menghubungi Kedai-kedai Tenaga TNB yang berhampiran.

## **KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**23 NOVEMBER 2021**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.ketsa.malaysia)